

FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA DALAM KATA-KATA ADAT

NORDIANA BINTI AB JABAR

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI

2010

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saja jelaskan sumbernya

14.10.2010


NORDIANA BINTI AB. JABAR
M20091000193

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya dapat juga saya menyempurnakan disertasi ini. Saya juga ingin memanjatkan kesyukuran kerana diberikan kesihatan yang cukup, masa dan ketenangan fikiran untuk menyiapkan disertasi ini.

JASAMU KUKENANG, BUDIMU KUSANJUNG.

Yang cerdik tempat bertanya
Yang pandai tempat berguru

Jutaan terima kasih dipersembahkan kepada penyelia, Profesor Madya Dato' Dr. Mohd Rosli Saludin selaku penyelia disertasi sepanjang 3 semester ini. Terima kasih juga kerana memberi kepercayaan, memberikan ruang dan semangat untuk saya menyiapkan disertasi ini. Segala pengorbanan dan tunjuk ajar serta ilmu yang diberikan tidak akan saya lupakan. Tidak lupa kepada semua pensyarah di Jabatan Kesusteraan Melayu UPSI yang mendidik dan memberi ilmu selama 3 semester saya berada di UPSI.

KASIHMU KUGENGGAM, IMPIANMU KULAKSANAKAN.

Ucapan terima kasih tidak terhingga kepada ayahanda dan bonda yang sentiasa memberikan sokongan peribadi yang tidak mampuku balas. Setiap irungan doa dari kalian memudahkan perjalanan hidup anakanda sepanjang berada di UPSI. Buat saudara sedarah sedagingku yang tercinta along, angah, bang jie, emy, acoi, ca.a, alan, ayu dan keluarga masing-masing, jasa kalian tidak mungkin "akak" lupakan. Terima kasih atas bantuan dari segi material mahupun semangat yang diberikan. Kepada semua anak-anak saudaraku, semoga kalian membesar dengan persekitaran yang sihat mampu menjadi anak-anak yang berguna. "Maklang" doakan kejayaan kalian semua.

SAHABAT SEJATI PENGHIBUR HATI.

Buat sahabat yang bergelar rakan seperjuangan. Terima kasih kerana sentiasa memberikan semangat ketika kadang-kadang hilang arah untuk meneruskan perjuangan ini. Khasnya kepada Salsabilla Abdul Samad, kita berjuang bersama-sama dan semoga kita berjaya bersama juga. Tidak dilupakan rakan-rakan kelas Sarjana Pendidikan Kesusteraan yang lain: Huda, kak Fara, kak Yati, kak Siti dan semuanya. Teruskan perjuangan yang masih berbaki. Akhir sekali buat seseorang yang sentiasa ada disisi memberi perhatian dan semangat saat jatuh dan bangun, Mohd Saiful Riduan Ibrahim, terima kasih segalanya.

Nordiana Binti Ab. Jabar
Felda Palong 3, Gemas,Negeri Sembilan
(Tanah Beradat...Palong/Gomeh)

ABSTRAK

Kertas projek ini membincangkan Falsafah Pendidikan Negara dalam kata-kata adat. Kajian ini mengkaji hasil pengoperasian Falsafah Pendidikan negara membentuk insan baik yang berakhhlak mulia, berilmu pengetahuan, bertanggungjawab, patuh serta percaya kepada Tuhan. Nilai-nilai ini dilihat di dalam kata-kata adat. Hasil dapatan dari kajian ini diharapkan dapat mempertingkat lagi mutu dan sistem Falsafah Pendidikan Negara. Selain itu juga melalui kajian diharapkan dapat memberi ilmu pengetahuan tentang kata-kata adat. Dalam kajian ini, pengkaji akan menyelusuri nilai-nilai masyarakat bumi tanah beradat ini samada selari atau tidak dengan sistem aliran pengoperasian FPN supaya dapat mewujudkan masyarakat seperti yang disasarkan oleh FPN sendiri. Konsep asas yang terkandung dalam FPN ialah tentang ilmu, nilai ilmu dan peranan ilmu dalam pembangunan insan dan masyarakat. Nilai ilmu terletak pada kebenaran kandungan yang berfungsi bukan sahaja untuk memaklumkan dan menerangkan kepada manusia akan sesuatu , tetapi lebih penting lagi ilmu mempengaruhi , mengubah dan membentuk diri serta masyarakat manusia.

Abstract

This project paper discusses the National Education Policy in indigenous words. This study examined the results of operation of the Philosophy of Education in developing human being with positive attitude, knowledgeable, responsible, and obedient and trust in the Lord. These values are seen in the traditional words. The finding of this study is expected to improve the quality and the system of Philosophy of Education. Apart from that, hopefully it can provide knowledge about the traditional words. In this study, the researcher will went through the values of the people of this place, whether it is in the same flow with the Philosophy of Education system or not so that it can create a society as what have been planned by the Philosophy of Education itself. The basic concept of Philosophy of Education is about the values of the knowledge and its function in the development of human in the society. The value of knowledge lies in the truth of the content. It's not only to educate the people, but more importantly can influence people to make changes to be a better person in life.

KANDUNGAN

Muka surat

PENGAKUAN	ii
-----------	----

PENGHARGAAN	iii
-------------	-----

ABSTRAK	iv
---------	----

ABSTRACT	v
----------	---

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Hipotesis	6
1.5 Kepentingan kajian	6
1.6 Definisi Kajian	7
1.6.1 Definisi Falsafah	7
1.6.2 Definisi Pendidikan	9
1.6.3 Definisi Pendidikan dari Sudut Bahasa	10
1.6.4 Definisi Pendidikan dari Sudut Cirinya	11
1.6.5 Definisi Pendidikan dari Sudut Proses	12
1.6.6 Definisi Falsafah Pendidikan	13
1.6.7 Definisi Falsafah Pendidikan Kebangsaan	14
1.7 Definisi Adat	21
1.8 Kaedah Kajian	28

BAB 2 DEFINISI ISTILAH DAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan	30
2.1 Definisi	
2.1.1kata-kata adat	32
2.1.2 Teromba	34
2.1.3 Perbilangan	36
2.1.4 Bidalan	39
2.1.5 Peribahasa	42

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan merupakan cara yang terpenting untuk pemuliharaan kehidupan sosial masyarakat yang kian terumbang ambing. Jika dilihat senario masyarakat pada hari ini, kita akan mendapati wujudnya jurang yang besar di antara kepercayaan kita dengan tingkah laku kita. Ia memaparkan seolah-olah kepercayaan dan kelakuan sosial kita yang berbeza dan tidak dapat dipulihkan lagi. Perjuangan memperkasakan pendidikan di Malaysia zaman sebelum dan selepas 50 tahun merdeka boleh diperbincangkan melalui zaman pramerdeka (sebelum tahun 1957), zaman pembentukan sistem (1957-1970), zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), zaman dasar pembangunan negara (1991-2000), dan zaman dasar wawasan negara (2001-2010).



Pada zaman pramerdeka, pendidikan yang wujud adalah terasing selaras

dengan dasar pecah-perintah yang diamalkan oleh penjajah Inggeris. Pada zaman pembentukan sistem pula, usaha ditumpukan untuk membentuk satu sistem pelajaran kebangsaan. Seterusnya, pada zaman Dasar Ekonomi Baru, pembangunan pendidikan bertumpu kepada usaha untuk menangani masalah ketidakseimbangan dalam masyarakat bagi mengukuhkan perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan dengan menyediakan peluang pendidikan yang sama untuk semua kaum. Pada zaman dasar pembangunan negara, asas perundangan bagi pelaksanaan dasar pendidikan diperkuatkan dan beberapa perubahan besar telah berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pada zaman dasar wawasan negara, penambahbaikan dan pemantapan dalam aspek sistem, struktur, strategi, pentadbiran, perundangan, dasar dan program pendidikan telah dilakukan dengan mengambil kira pelbagai perubahan dan cabaran abad ke-21 dan era globalisasi.

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju mengikut acuan sendiri, pengajian rendah dan tinggi perlu berada pada landasan yang kukuh, mantap dan berkesan. Fokus pembangunan pendidikan termasuklah kepada usaha untuk menbangunkan manusia yang memiliki kekuatan diri yang menyeluruh, progresif, kreatif, berwibawa, berpengetahuan, berkemahiran, berketrampilan dan berakhhlak mulia. Fokus ini juga disebut sebagai pembangunan modal insan kelas pertama. Hal ini rentetan dari wujudnya Falsafah Pendidikan Negara (seterusnya FPN). Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi asas kepada pembentukan sistem dan Dasar Pelajaran Kebangsaan seperti termaktub dalam Akta Pelajaran 1961.





Berpandukan kepada FPN, matlamat pendidikan ialah ke arah melahirkan

insan yang baik dan sempurna. Oleh yang demikian, pengkaji akan cuba menyelusuri ciri-ciri insan baik yang disasarkan dalam Falsafah Pendidikan Negara ini. Semua sistem pendidikan di Malaysia berpandukan kepada FPN. Justeru, pengkaji merasakan FPN yang terdapat di Malaysia ini juga merupakan salah satu sistem pendidikan bagi masyarakat pendukungnya. Ciri-ciri insan baik tersebut adalah insan yang percaya dan patuh kepada Tuhan, insan yang berilmu pengetahuan, insan yang berakhhlak mulia, insan yang bertanggungjawab kepada diri, masyarakat, agama dan negara, insan yang berbakti dan memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara serta insan yang memiliki sahsiah yang seimbang dan sepadu.

Dalam kajian ini juga, pengkaji akan meneliti ciri-ciri insan yang baik hasil

dari pengoperasian Falsafah Pendidikan Negara yang terkandung dalam kata-kata adat. Melalui ciri-ciri inilah pengkaji akan membuktikan kerelevanannya. Falsafah Pendidikan Negara dalam kata-kata adat dan masyarakat yang mengamalkannya. Falsafah Pendidikan Negara adalah teras kepada sistem pendidikan di negara ini. Falsafah ini digubal di atas kesedaran bahawa negara perlu mempunyai hala tuju dan matlamat yang benar dan tepat di dalam sistem dan rancangan pendidikannya. Sejauh mana keberkesanan FPN ini dalam kata-kata adat akan dilihat melalui kajian ini nanti.

1.2 Latar Belakang Kajian

Puisi Melayu ialah satu cabang warisan khazanah budaya Melayu. Bentuk puisi Melayu Tradisional ada yang bebas dan terikat. Masyarakat Melayu yang





sememangnya kreatif dan kritis telah mampu melahirkan beberapa jenis puisi mereka sendiri. Daya imaginasi yang begitu kuat dalam kalangan masyarakat Melayu menjadi pendorong kepada kelahiran genre puisi yang menjadi lambang kepada kehidupan mereka dahulu kala kepada generasi pada hari ini. Pelbagai cara masyarakat Melayu silam menanggapi keindahan yang dilihat, dirasa dan dialami mereka sendiri. Penelitian dan pengamatan itu kemudiannya mendorong mereka menghasilkan ungkapan yang menarik dan sesetengahnya menjadi pegangan dan adat dalam kehidupan sehari-hari mereka. Puisi Melayu Tradisional adalah lambang budaya kita.

Puisi Melayu Tradisional bersifat lisan, diwarisi, dan disebarluaskan melalui tradisi lisan. Puisi lisan ini bersifat kolektif dan fungsional iaitu dicipta oleh pengarang yang tidak bermula dan digunakan dalam kehidupan masyarakat.



Pertumbuhannya bermula dengan ungkapan-ungkapan yang sederhana susunan dan sebutan ayatnya terutama dari unsur estetikanya. Sebenarnya puisi-puisi ini telah lama berkembang dalam masyarakat Melayu, iaitu sejak zaman orang Melayu belum lagi mengenal sistem huruf dan tulisan. Kebanyakan isi puisi disebut dan dituliskan dan tidak hilang ditelan zaman.

Puisi mementingkan gaya estetika kerana itulah Puisi Melayu Tradisional mengandungi unsur-unsur estetika yang semulajadi. Melalui unsur-unsur inilah penyair menyampaikan pernyataan-pernyataan, fikiran, perasaan, harapan, citacita, serta mesej dalam hubungan manusia dengan manusia, manusia dengan masyarakat atau alam sekitarnya. Puisi Melayu Tradisional juga berperanan menjadi saluran komunikasi dalam sosiobudaya kehidupan masyarakat.





Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang kaya dengan nilai budaya.

Kehidupan yang didokong oleh masyarakat Melayu meliputi segala aspek kehidupan termasuklah sistem sosial, politik, ekonomi, organisasi, dan kepercayaan. Sebahagian daripada nilai budaya dapat dilihat melalui puisi adat yang terdapat di Negeri Sembilan. Kata-kata adat ini mencerminkan kehidupan sosialis sehari-hari masyarakat. Melalui puisi adat tersebut dapat menyelami jiwa, pemikiran dan falsafah pendidikan negara yang terdapat dalam puisi adat tersebut.

Kajian ini cuba mencungkil hasil FPN yang terdapat dalam kata-kata adat dan kesannya terhadap kehidupan sosialis masyarakat pengamalnya. Aspek estetikanya bukan hanya terbatas kepada apa yang dipandang oleh mata kasar tetapi dapat juga dilihat melalui maksus tersirat disebalik kata-kata dalam puisi adat itu sendiri.



Salah satu unsur yang terkandung dalam FPN adalah falsafah tentang manusia yang berasaskan kepada kepercayaan kepada Tuhan dan agama. Matlamat pendidikan adalah untuk membangunkan semua aspek diri manusia secara harmonis dan seimbang supaya kesepadan fitrah diri manusia terpelihara. Berilmu dan berpendidikan harus menghasilkan budi pekerti yang baik dan akhlak yang mulia, sekali gus menjadi ciri-ciri asasi seorang ahli keluarga, masyarakat dan warganegara yang baik dan terdidik.

Dalam kajian ini, pengkaji akan menyelusuri nilai-nilai masyarakat bumi tanah beradat ini samada selari atau tidak dengan sistem aliran pengoperasian FPN supaya dapat mewujudkan masyarakat seperti yang disasarkan oleh FPN sendiri. Konsep asas yang terkandung dalam FPN ialah tentang ilmu, nilai ilmu dan





peranan ilmu dalam pembangunan insan dan masyarakat. Nilai ilmu terletak pada kebenaran kandungan yang berfungsi bukan sahaja untuk memaklumkan dan menerangkan kepada manusia akan sesuatu , tetapi lebih penting lagi ilmu mempengaruhi , mengubah dan membentuk diri serta masyarakat manusia.

Oleh yang demikian kajian ini memandang kata-kata adat merupakan alat pendidikan yang terbaik untuk masyarakatnya. Intipati dalam kata-kata adat dan matlamat FPN ini adalah sama yakni untuk melahirkan masyarakat yang bersatu padu. Namun mungkin cara perlaksanaannya yang berbeza. Dalam kajian inilah pengkaji akan membuat tinjauan tentang keselarian antara FPN dalam kata-kata adat.

1.4 Hipotesis Kajian



Hasil dari kajian yang akan dibuat oleh pengkaji ini nanti, beberapa dapatan kajian akan dikenalpasti oleh pengkaji. Antaranya ialah:

1. Terdapatnya keselarian antara matlamat Falsafah Pendidikan Negara di dalam kata-kata adat.
2. Ciri-ciri insan baik yang ingin dilahirkan oleh Falsafah Pendidikan Negara melalui perlaksanaannya terdapat juga dalam kata-kata adat.

1.5 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan dari kajian ini diharapkan dapat mempertingkat lagi mutu dan sistem Falsafah Pendidikan Negara. Selain itu juga melalui kajian diharapkan dapat memberi ilmu pengetahuan tentang kata-kata adat.



1.6 Defini Kajian

1.6.1 Definisi Falsafah

Dari sudut sejarahnya, perkataan falsafah mula digunakan oleh ahli matematik terkenal iaitu Pythagoras (580-500 S.M.). Perkataan ini berasal dari perkataan Yunani iaitu *philien* yang bermakna cinta dan *Sophia* yang bermakna kearifan, kebijaksanaan atau kehikmahan. Oleh yang demikian Pythagoras dikenali ramai sebagai *a lover of wisdom* iaitu pencinta kebijaksanaan atau kebenaran (2003:1).

Al-Khindi (akhir abad ke 8-850 M), seorang ahli falsafah Islam mengatakan bahawa antara usaha manusia yang tertinggi perikemanusiaannya dan yang mulia martabatnya adalah pembinaan falsafah. Al-farabi, (339-950 M) mengatakan bahawa falsafah sebagai ilmu pengetahuan tentang alam yang maujud. Falsafah menurut beliau adalah untuk menyelidik hakikat alam maujud yang sebenar. Falsafah menurutnya juga adalah pokok kepada segala ilmu.

Lain-lain pengertian falsafah sebagai sebagaimana yang diutarakan oleh tokoh-tokoh baru seperti John Hospers ialah mencari sesuatu benar. Selain itu, Emanuel Kant (2008:12) mengatakan bahawa falsafah ialah ilmu pengetahuan yang menjadi pokok kepada semua ilmu. Secara konsepnya, falsafah membawa pengertian sebagai suatu usaha mencari sesuatu kebenaran atau keyakinan yang berhubung dengan suatu perkara dengan menggunakan kekuatan minda dan akal fikiran. Selain itu, falsafah juga boleh dertiikan sebagai pertimbangan terhadap sesuatu perkara yang berasaskan kepada kebenaran bagi member penjelasan tentang sesuatu.



Falsafah juga sebagai suatu aktiviti mentafsir atau menilai keseluruhan

pengalaman manusia secara komprehensif. Falsafah melibatkan aktiviti membuat penilaian ke atas sesuatu fakta, iaitu dengan menganalisis maknanya, membuat interpretasi, meletakkan kepentingan dan mempertimbangkan fakta tersebut bagi tujuan kehidupan. Di dalam falsafah juga terdapat aktiviti mengenalpasti perkara yang berhubung dengan konsep bagi maksud untuk mencari suatu kebenaran. Selain daripada itu, falsafah berusaha membentuk kebolehan untuk mengatasi masalah abstrak, soalan yang bijak dan merumuskan jawapan yang rasional.

Ahli falsafah klasik yang terkenal seperti Herakleitos (540-480S.M), Socrates (469-399 S.M) juga telah memberi pengertian atau penjelasan tentang falsafah. Menurut Herakleitos, falsafah ialah cinta kepada kebijaksanaan. Socrates pula menyatakan bahawa falsafah bermula dengan pencarian (wonder) untuk mendapatkan kebenaran. Menurut Plato, falsafah tidak lain daripada pengetahuan tentang segala yang ada. Aristotle pula memberi pengertian falsafah sebagai usaha menyelidik sebab serta asas kepada segala benda. Menurut Cicero (106-43 S.M.) falsafah ialah pengetahuan tentang sesuatu yang maha agung. Pengertian tentang falsafah menurut ahli-ahli falsafah klasik seperti di atas selaras dengan maksud falsafah iaitu cinta kepada kearifan atau kebijaksanaan (2008:3).

Lain-lain pengertian falsafah seperti yang diutarakan oleh ahli-ahli falsafah yang terkemudian juga masih berkisar tentang kebenaran, kearifan, kebijaksanaan dan usaha untuk mencapainya ialah dengan menggunakan akal fikiran. Menurut John Hospers (2008:31), falsafah ialah pencarian tentang sesuatu yang benar. Emanuel Kant (2008:33) pula menyatakan falsafah ialah pengetahuan yang menjadi pokok kepada semua ilmu. Schofield menganggap falsafah sebagai proses menyoal untuk mencari kebenaran. Menurut Harold Titus, untuk memahami





falsafah, seseorang perlu merujuk kepada sikap tentang kehidupan serta alam semesta, pemikiran reflektif dan *akliah*, dan pemeringkatan masalah, teori atau sistem pemikiran. Falsafah mengandungi spekulasi tentang perkara yang belum tepat dan belum nyata. Falsafah juga mengandungi penakulan dalam membuktikan kebenaran sesuatu perkara. Penjelasan tentang falsafah oleh ahli-ahli falsafah yang terkemudian juga masih berkisar tentang kebenaran, kearifan dan kebijaksanaan.

Secara keseluruhannya, dapatlah dikatakan bahawa falsafah membawa pengertian sebagai suatu usaha untuk mencari sesuatu kebenaran atau keyakinan berhubung dengan sesuatu perkara, secara arif dan bijaksana dengan menggunakan kekuatan minda dan akal fikiran. Falsafah juga boleh difahami sebagai pertimbangan yang dilakukan terhadap sesuatu perkara yang berasaskan kepada kebenaran bagi memberi penjelasan tentang sesuatu secara arif dan bijaksana.



1.6.2 Definisi Pendidikan

Pendidikan berasal daripada perkataan Latin, *educare* yang membawa maksud memelihara. Menurut Kamus Pendidikan (1979), “Pendidikan adalah satu proses menyeluruh yang bertujuan untuk memperkembangkan kebolehan dan tingkah laku manusia. Ia juga satu proses sosial yang memberi peluang kepada seseorang individu individu untuk memperoleh kemahiran sosial serta perkembangan peribadi. Di samping itu, ia dijalankan dalam satu suasana yang terpilih serta terkawal yang diinstitusikan dan dikenali sebagai sekolah.” Mengikut John Dewey (Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, 2008: 124), Pendidikan adalah satu proses yang bertujuan untuk mempertingkatkan lagi kedudukan manusia. Mengikut Yusuf al-Qardawi (1980), Pendidikan merangkumi keseluruhan hidup termasuklah akal,





hati dan rohani, jasmani, akhlak dan tingkahlaku. Bagi Hassan Langgulung (1987),

Pendidikan merupakan proses mengubah dan memindahkan nilai-nilai kebudayaan kepada setiap individu (Abu Bakar Nordin dan Ikhsan Othman, 2008:134)

1.6.3 Pendidikan dari Sudut Bahasa

Pendidikan dalam bahasa Inggeris ialah education. Perkataan ini berasal dari perkataan Latin *educare* yang mempunyai makna memelihara, membimbing atau mengasuh kanak-kanak. Namun dalam penggunaannya sebagai istilah, pendidikan adalah lebih luas daripada itu dan tidak terhad hanya kepada asuhan kanak-kanak sahaja.



Perkataan pendidikan juga diguna pakai bagi membawa pengertian perkembangan fizikal. Perkara ini dapat dikenal pasti berdasarkan asal usul perkataan tersebut kerana selain daripada *educare*, perkataan Latin *educere* juga diguna pakai bagi membawa maksud pendidikan. *Educere* sebenarnya lebih sesuai digunakan untuk pertumbuhan fizikal, tanaman dan juga haiwan. Namun akhirnya, perkataan ini juga digunakan untuk manusia. Latihan fizikal kepada individu manusia, termasuk kemahiran-kemahiran tertentu, juga dikatakan sebagai salah satu tujuan pendidikan kerana latihan fizikal dan kemahiran-kemahiran tertentu tersebut adalah perlu dalam kehidupan manusia.

Ada yang menyatakan pendidikan atau education sebagai cantuman dua perkataan Latin iaitu *eex* iaitu keluar dan *ducereduce* memimpin keluar (*to lead out*) yang membawa maksud menzahirkan keupayaan diri melalui pembelajaran.





Perkara ini bagi tujuan mencapai kesedaran tentang kewujudan diri, alam dan penciptanya.

Dalam bahasa Arab pula, pendidikan diistilahkan sebagai *ta'lim*, *tadris*, *tarbiyah* atau *ta'dib* iaitu mengajar, memelihara, atau memberi ilmu. Pendidikan bertujuan untuk memberi ilmu atau pengetahuan dalam bentuk teori atau praktis bagi membentuk adab dan peribadi individu. Pendidikan juga bertujuan untuk mencungkil dan memperkembangkan bakat. Tegasnya pendidikan boleh membawa banyak maksud yang menggambarkan keluasannya. Namun, keseluruhannya menerangkan tentang usaha perkembangan manusia.

1.6.4 Pendidikan dari Sudut Cirinya



Dari sudut cirinya, pendidikan adalah bersifat wajib dan berterusan iaitu dari buaian hingga ke liang lahad. Pernyataan tentang perkara ini memang terkandung di dalam al-Quran dan hadis. Konsep ini juga dikenali sebagai pendidikan sepanjang hayat (life long learning) dan telah dikenal pasti perlu untuk kelangsungan kehidupan manusia mengikut tingkat dan peringkat usia. Selain daripada untuk memperkembangkan minat dan bakat individu dan dalam usaha untuk membangunkan guna tenaga manusia atau modal insan.

Menurut Jean Jacques Rousseau (2003:35) pendidikan ialah suatu proses yang berterusan bermula sejak kanak-kanak lagi. Segala kebolehan yang bersifat semula jadi lahir dengan sendirinya mengikut kehendak dan peraturan semula jadi dan ini perlu berterusan. Plato pula menegaskan bahawa pendidikan adalah sesuatu



yang berkeupayaan membentuk individu manusia agar bersifat mulia ke arah

melahirkan tiga golongan manusia:

1. Pemimpin (*Lehr*)
2. Pekerja (*Nehr*)
3. Tentera (*Wehr*)

1.6.5 Pendidikan dari Sudut Proses

Dari sudut proses pula, John Dewey (2008:63) mentakrifkan pendidikan sebagai satu proses psikologi iaitu pertumbuhan atau perkembangan yang mana pendidikan ialah usaha mengatur pengetahuan bagi meningkatkan lagi pengetahuan semula jadi yang ada pada seseorang. John Park pula berpendapat pendidikan ialah seni atau proses menyampaikan atau memperoleh ilmu dan tabiat melalui tunjuk ajar atau pengajian. Maria Montessori, mentafsirkan pendidikan sebagai proses membentuk dan memperkembangkan intelek, jasmani, rohani dan sosial kanak-kanak. Pendidikan juga boleh difahami sebagai satu proses pemindahan baik secara rasmi atau sebaliknya perkara yang berkait rapat dengan pengetahuan, kemahiran, nilai dan juga kebudayaan yang dippunyai oleh satu generasi kepada generasi yang berikutnya ataupun dalam generasi yang sama bagi tujuan kesinambungannya.

Dalam konteks pengertian yang lebih luas pula, pendidikan dapat difahami sebagai satu proses dengan kaedah yang tertentu sehingga seseorang memperolehi pengetahuan, pemahaman, tingkah laku dan amalan yang sesuai dengan keperluan serta kehendak golongan yang melaksanakan pendidikan. Ditambah lagi



pendidikan diharapkan sebagai usaha yang dapat membentuk akhlak, budi pekerti dan keperibadian mulia serta keimanan individu manusia.

Dari sudut proses, pendidikan juga dikaitkan dengan persekolahan kerana amalan semasa, menunjukkan tugas mengajar dan mendidik telah banyak berpindah daripada ibu bapa dan keluarga di rumah kepada guru di sekolah. Perkembangan yang pesat dalam bidang teknologi memerlukan pengetahuan dan kemahiran yang khusus dan terkini. Oleh yang demikian keperluan untuk menginstitusikan pendidikan semakin mendesak dan sering dikaitkan dengan persekolahan.

Sistem pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan ini harus bermula seawal mungkin dan kebiasaanannya persekolahan bermula sejak prasekolah lagi kerana di peringkat prasekolah inilah masa yang paling baik bagi perkembangan potensi jasmani, intelek, rohani dan emosi. Sehubungan itu, prasekolah ialah peringkat yang terbaik dalam meletakkan “batu asas” pada diri kanak-kanak. Sebagai suatu proses yang berterusan, pendidikan perlu juga mempunyai rancangan bagi keperluan semua peringkat individu bagi tujuan memajukan diri mereka sama ada dari segi keperluan pekerjaan maupun bagi memupuk minat dan kecenderungan.

1.6.6 Definisi Falsafah Pendidikan

Menurut Abd Fatah(Omar Mohammad Al-Taomy Al-Syaibany, 2001), falsafah pendidikan adalah suatu sistem kepercayaan, pegangan dan prinsip am yang mana membincangkan berbagai-bagai hal mengenai pendidikan dan pengajaran





yang patut dijalankan di sekolah atau di bilik-bilik darjah. Al- Syaibani (2003:45)

pula menyatakan bahawa falsafah pendidikan adalah usaha bagi melaksanakan teori dan kaedah berhubung pengalaman manusia. Falsafah pendidikan juga mampu menilai, menyelaras dan menganalisis masalah berhubung kehidupan.

John Dewey (H.Jalaluddin, 2001) pula menegaskan bahawa falsafah pendidikan ialah sebagai satu pembentukan kemampuan dasar yang fundamental, intelektual, fungsional kearah menuju ke tabiat manusia yang cemerlang dan bertamadun. Setiap falsafah pendidikan adalah berasaskan kepada satu atau lebih falsafah umum seperti idealisme, realisme, pragmatisme atau eksistensialisme.

Falsafah pendidikan ini dibentuk kerana wujudnya persoalan yang saling berkaitan antara falsafah pendidikan yang tidak terjawab secara falsafah semata-mata atau pendidikan semata-mata. Falsafah pendidikan adalah merupakan cabang dari falsafah umum. Tidak dinafikan terdapat juga sarjana yang menganggap falsafah pendidikan ini sebagai teori pendidikan. Namun kedua-duanya adalah membincangkan perkara tentang pendidikan.

1.6.7 Definisi Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) merupakan dasar kepada pendidikan di Malaysia. Hal ini bermakna, semua aktiviti pendidikan dan persekolahan di Malaysia mestilah selaras dengan FPN ini. Justeru setiap bakal guru di Malaysia diwajibkan membaca, memahami dan mengingati falsafah ini agar setiap tindakan mereka melalui proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa berada dilandasan yang betul. Intipati utama dalam FPN ini ialah melahirkan insan seimbang dari



05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  PustakaTBainun  ptbupsi
segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Sosial yang sering disebut oleh guru-guru sebagai JERIS. Perlu diingat bahawa tidak ada yang lebih utama antara keempat-empat unsur tersebut, yakni tidak boleh dikatakan jasmani lebih penting daripada intelek atau sebaliknya.

Falsafah pendidikan negara ini tidak pernah dinyatakan secara eksplisit dan formal. Walau bagaimanapun, kewujudan falsafah yang tersirat itu dapat dirasakan sungguhpun tidak mudah ditangkap secara objektif. Falsafah pendidikan negara wujud kerana sistem ini wujud tetapi rupa bentuk kewujudannya selama ini tidak pernah disintesikan bagi mendapatkan gambaran yang bersepadau dan bagi memahami aliran gagasan pemikiran yang menyusurgalurkan perkembangan sistem pendidikan.

Berasaskan kepada FPN, matlamat pendidikan negara dapat ditafsirkan sebagai usaha yang komprehensif dan berterusan untuk melahirkan individu yang bersahsiah baik, berketrampilan seterusnya seimbang dan bersepadau dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani tanpa mengetepikan kepercayaan dan kepatuhan kepada perintah Tuhan. Individu insan tersebut perlu berilmu dan berfikiran kreatif dan rasional, berakhlak mulia, berkeupayaan memberi sumbangan ke arah memakmurkan masyarakat dan negara. Individu juga mempunyai tanggungjawab dalam menjaga hubungan baik dan mesra antara sesama manusia bagi memupuk perpaduan rakyat (2008:70).

Penyata Razak (1956) dan Laporan Rahman Talib (1960) menjadi asas kepada pembentukan sistem dan Dasar Pelajaran Kebangsaan seperti termaktub dalam Akta Pelajaran 1961. Ketiga-tiga dokumen ini menegaskan perpaduan sebagai matlamat utama negara. Di samping itu usaha-usaha juga mesti



dilaksanakan untuk memajukan aspek-aspek pembangunan bangsa dan negara meliputi kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik. Kemajuan dalam aspek-aspek ini bertujuan untuk mempercepat serta memperkuatkan cita-cita ke arah mewujudkan perpaduan negara.

Usaha-usaha ke arah mewujudkan perpaduan menjadi semakin mendesak apabila berlakunya tragedi 13 Mei 1969. Kerajaan telah membentuk Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan dan pengenalan kaum mengikut pekerjaan. Di samping itu digubal Rukun negara yang menggariskan lima rukun sebagai asas pegangan dan panduan setiap rakyat di negara ini. Di bidang pendidikan, satu jawatankuasa kabinet telah ditubuhkan pada tahun 1974 untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran kebangsaan. Dalam Laporan jawatankuasa ini matlamat perpaduan ditegaskan semula. Di samping itu



Laporan ini juga meluaskan lagi matlamat pendidikan negara meliputi:



“ matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisiplin dan terlatih”. (Laporan Jawatankuasa Kabinet, hal. 1).

Ringkasnya, matlamat pendidikan ialah untuk melahirkan warganegara yang baik yang memiliki ciri-ciri bersatupadu, berdisiplin dan terlatih. Lebih lanjut lagi Laporan tersebut menghuraikan ciri-ciri seorang warganegara yang baik. Ciri-ciri tersebut ialah:

- I. keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia.



II. menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan,

bersedia bekerja atau membuat sesuatu sehingga sempurna, menghormati hak-hak individu, mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak menjelaskan kepentingan orang lain, menghormati dan mempunyai semangat memperbaiki keadaan secara membina, dan bersedia berkhidmat untuk negara.

III. boleh menyertai dengan berkesan dalam kegiatan pembangunan negara.

Dalam sistem pendidikan kebangsaan yang diamalkan sekarang, falsafah pendidikan tidak dinyatakan secara tersurat. Walau bagaimanapun, hasrat dan matlamat pendidikan negara telah dicerminkan dalam Penyata Razak, Laporan Rahman Talib, Akta Pelajaran 1961 dan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979.

Dalam konteks pembangunan negara, sistem pendidikan kebangsaan ini dikaitkan pula dengan prinsip-prinsip Ruku negara. Keperluan untuk menyatakan Falsafah Pendidikan Negara secara tersurat telah lama disedari. Falsafah Pendidikan ini dapat menjadi cermin cita-cita dan keunggulan yang hendak diperjuangkan oleh rakyat negara ini.

Falsafah Pendidikan Negara mengandungi idea dan pandangan yang rasional terhadap pendidikan. Fungsi asas falsafah pendidikan ialah memberi panduan dan haluan kepada pakar pendidikan untuk merancang atau mereformasikan sistem pendidikan berlandaskan idea, konsep dan matlamat pendidikan negara kita Malaysia.

Sehubungan ini, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) digubal secara rapi dan teliti oleh pakar-pakar pendidikan dengan mengambil kira seluruh aspek yang berkaitan dengan keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. Dalam proses menggubal FPN yang boleh memberi panduan dan bimbingan yang manfaat kepada segala usaha pendidikan, beberapa faktor yang berkaitan hendaklah dipertimbangkan terlebih dahulu. Di antara faktor-faktor (Mok Soon Sang:2000:89) yang mempengaruhi pertimbangan asas semasa menggubal Falsafah Pendidikan Negara ialah :-

1. Faktor agama yang dianuti oleh rakyat negara (Malaysia)

2. Faktor sosial yang meliputi struktur masyarakat dan kebudayaannya.

3. Faktor politik yang menentukan idealogi negara, dan seterusnya mempengaruhi dasar pendidikan.

4. Faktor ekonomi yang mempengaruhi matlamat pendidikan dalam usaha membawa pembangunan dan kemajuan negara.

5. Faktor individu yang berkaitan dengan keperluan-keperluan asas seperti keselamatan, perkembangan potensi dan penyempurnaan kendiri.

6. Faktor sejagat yang berkaitan dengan pandangan dan visi sedunia, perkembangan pendidikan antarabangsa dan keupayaan warganegara memberi sumbangan ke arah yang dapat membawa persefahaman antarabangsa.

Pengaruh faktor-faktor (Mok Soon Sang, 2001:217) tersebut dapat dikesan daripada pernyataan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang diturunkan berikut:-

1. Faktor Agama

Agama Islam ialah agama rasmi bagi negara Malaysia. Di samping itu, Agama Kristian, Agama Buddha, Agama Hindu dan sebagainya juga bebas dianuti mengikut undang-undang negara. Agama-agama ini, khasnya agama Islam merupakan faktor-faktor yang penting sebagai pertimbangan asas dalam proses penggubalan Falsafah Pendidikan Negara (FPN).

2. Faktor Sosial.

Masyarakat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum. Keharmonian dan kemakmuran negara bergantung kepada amalan sikap toleransi, bekerjasama dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Sikap positif ini adalah amat penting dalam usaha mencapai perpaduan kaum yang merupakan kriteria yang paling penting untuk mewujudkan keadaan sosial yang stabil.

3. Faktor Politik

Sebagaimana yang diketahui umum, Falsafah Pendidikan Negara(FPN) digubah berlandaskan kepada ideologi negara yang dicerminkan dalam dokumen-dokumen rasmi seperti Laporan Pendidikan, Rancangan Malaysia dan Rukun Negara. Di dalam usaha membentuk idealogi negara, pengaruh politik memainkan peranan penting dalam penentuan dasar pendidikan negara. Sehubungan ini, matlamat pencapaian perpaduan kaum menjadi pertimbangan asas dalam penggubalan FPN.

4. Faktor Ekonomi.

Rakyat Malaysia yang terlatih dalam pelbagai kemahiran dapat membantu negara memperkembang ekonomi dengan meningkatkan daya pengeluarannya. Cita-cita memperkembangkan ekonomi Malaysia telah menjadi salah satu matlamat pendidikan negara yang dinyatakan dalam FPN.

5. Faktor Individu

Potensi Individu dapat dikembangkan melalui proses pendidikan. Potensi individu ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Insan yang seimbang dan harmonis sentiasa mengamalkan sikap bersyukur, sentiasa menikmati ketenteraman jiwa serta bersedia menghadapi cabaran hidup dengan tenang. Ini merupakan pernyataan utama dalam kandungan FPK.

6. Faktor Sejagat

Penggubalan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pula tidak terpisah daripada pengaruh perkembangan sistem pendidikan antarabangsa. Sehubungan itu, idea-idea yang dihasilkan daripada seminar pendidikan antarabangsa pula membawa pengaruhnya ke atas Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Faktor-sejagat yang berkaitan dengan pandangan dan visi sedunia, perkembangan pendidikan antarabangsa dan keupayaan warganegara memberi sumbangan ke arah yang dapat membawa persefahaman antarabangsa. Misalnya, program pendemokrasian pendidikan, pensarwajagatan pendidikan dan pendidikan seumur hidup yang dirancangkan oleh UNESCO 1980-an.

1.7 Definisi Adat

Adat adalah kebiasaan yang dipakai sehari-hari bermula daripada seseorang kemudian menjadi kebiasaan pada sesebuah keluarga dan digunakan pula oleh sesebuah masyarakat. Manakala sesebuah masyarakat telah biasa melakukan sesuatu peraturan, sama ada terjadi dengan sendirinya ataupun terjadi atas muafakat. Oleh yang demikian wujudlah satu peraturan yang mestи dipatuhi bagi menjamin keselamatan dan kebahagiaan masyarakat. Pengertian adat adalah meliputi ketentuan-ketentuan dan ketetapan yang telah diambil oleh masyarakat mengenai peraturan, hukum, lembaga, resam dan sebagainya. Hukum adat ialah pematuhan masyarakat kepada lembaga atau kuasa lama yang terpakai dalam masyarakat atau daerah sejak zaman berzaman.



Adat seperti undang-undang juga adalah seumpama kanun peliharaan dalam

mewujudkan keperibadian tatasusila masyarakat terhadap bangsa dan nusa serta tertakluk kepada undang-undang alam yang mengalami perubahan. Daripada segi etimologi, perkataan adat itu berasal daripada bahasa Arab iaitu adah yang bererti kebiasaan atau sesuatu perbuatan yang dilakukan secara berulang-ulang lalu menjadi suatu kebiasaan yang tetap dan dihormati orang, maka kebiasaan itu lambat-laun menjadi adat (Nordin Selat, 1976).

Adat juga dikatakan sebagai peraturan yang lazim digunakan semenjak dahulu kala hingga zaman berzaman. Adat itu merupakan satu cara atau sistem yang sudah menjadi kebiasaan, diamalkan oleh sesuatu masyarakat manusia. Ia juga merupakan hukum hakam dan perlembagaan sebagai pegangan atau panduan masyarakat itu. Pantang larang dan suruh arah tradisional termasuk dalam adat



(Muhammad Ariff Ahmad, 1993: 1).

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Proses penciptaan adat yang berlaku dalam masyarakat Melayu kebiasaannya yang diamalkan oleh orang Melayu akhirnya berkembang menjadi suatu adat. Di samping kebiasaan, proses penciptaan adat dalam masyarakat Melayu berkaitan pula dengan tanggapan dan pemikiran orang Melayu. Daripada tanggapan dan pemikiran itu, lahirlah adat yang dikaitkan pula dengan kepercayaan di sebalik peraturan adat yang disebut. Tegasnya peraturan adat ini menggambarkan ajaran dan amalan yang ditanggapi oleh angota-anggota masyarakat sederhana tentang manusia dan dunia yang didiaminya (Abdullah Sidek dalam Nordin Selat, 1976).

Bagi masyarakat Adat Perpatih, adat itu adalah peraturan hidup di dunia.

Adat yang terpakai dalam komunikasi pentadbiran Adat Perpatih ada empat jenis





adat yang telah digunakan sejak turun temurun iaitu adat nan sebenar, adat nan diadatkan, adat nan teradat dan adat isitiadat (Liaw Yock Fang, 1993: 179).

Adat nan sebenar ialah sesuatu yang harus menuntut alur dan patut. Seharusnya menurut agama, menurut perikemanusiaan, menurut tempat dan menurut masa. Adat ini juga dikatakan yang diterima daripada Nabi Muhammad SAW, iaitu hukum syarak (Mohd Rosli Saludin, 2009:224). Bertitik tolak dari hukum syarak inilah diambil yang sah dan batal, halal dan haram, sunat dan fardu, dakwa dan jawab, saksi dan bainah. Adat dan sebenar ini dapat kita lihat melalui terombang berikut:

Pada yang sakit lekatkan ubat

Pada yang benar letakkan alur

Pada air lepaskan tuba

Pada garis memahat

Pada yang diukur dikerat

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi

Pada rangkanya lekatkan permata

Bulat kata oleh muafakat

Bulat jantung oleh kelopak

Bulat segolong

Leper selayang

Kerbau menguak

Jawi melenguh

Murai berkicau

Alang berkulik

Api membakar

Air membasahkan

Laut berombak

Gunung berkabus

Lurah berair



*Dibelah-belah dipertiga
Sirawik pembelah rotan
Luhak dibahaginya tiga
Adat dibahaginya selapan
Nan empat terbang ke langit
Aso bulan dua matahari
Tiga timur dan barat
Empat utara dan selatan
Nan empat tinggal di bumi
Aso sawah ladang banda buatan
Dua rumah gadang lumbung berperorangan
Tiga adat serata dengan lembaga
Empat penghulu di negeri*

(Mohd Dahlan dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:225)

Alam berkembang yang disebut di dalam komunikasi teromba di atas mengandungi erti ajaran budi yang tidak pernah meminta untuk dibalas dan dihargai, seperti kayu berbuah yang dimakan buahnya adalah untuk keperluan manusia. Bermakna seluruh isi alam ini dijadikan untuk kepentingan hidup manusia. Daripada teromba ini boleh diambil pedoman dan pelajaran untuk kepentingan hidup bermasyarakat dalam pentadbiran Adat Perpatih.

Jika dilihat tentang semua perkara yang disebutkan, alam berkembang daripada sudut ajaran islam. Semuanya diciptakan sendiri demi kepentingan

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi
 manusia. Ketentuan-ketentuan yang disebutkan mempunyai filsafat yang abadi dengan *iradah* atau kehendak Allah SWT. Walaupun ada halangan dan dugaannya ia tetap akan berkekalan. Realiti dari unsur alam itulah yang cuba diketengahkan dalam teromba berikut:

Nan tak lekang dek panas
Nan tak lapuk dek hujan
Dianjak tak layu
Dibubut tak mati
Dibasuh tak berhabis air
Dikikis berhabis besi

(Mohd Dahan, Kepis, Negeri Sembilan, 20 Mac 2001)

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

Adat yang kedua pula ialah adat nan diadatkan. Adat ini merupakan adat yang terpenting dalam sistem Adat Perpatih. Sejarah adat ini dikatakan diterima daripada Dato' Ketemenggungan dan Dato' Perpatih Nan Sebatang. Adat ini disusun begitu rupa dengan mengambil contoh dan perbandingan daripada ketentuan-ketentuan alam yang telah dikemukakan. Hal inilah yang dimaksudkan oleh teromba yang berbunyi:

Penakik pisau siraut
Ambil galah batang lintabung
Selodak ambil ke nyiru
Nan setitik jadikan selaut
Nan sekepal jadikan gunung
Alam terkembang jadikan guru

 05-4506832
  pustaka.upsi.edu.my
  Perpustakaan Tuanku Bainun
 Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
  PustakaTBainun
  ptbupsi

(Rosli Sharif dalam Mohd Rosli Saludin, 2009:227)

Adat nan teradat pula ialah peraturan yang disusun hasil daripada muafakat pemimpin adat itu sendiri. Adat ini terpakai dalam luak atau laras dan berdasarkan kenyataan terdapatnya perbezaan-perbezaan dalam pelbagai situasi. Adat ini juga ialah adat kebiasaan yang diterima oleh masyarakat tanpa berbincang ataupun telah ditetapkan terlebih dahulu. Contohnya dalam soal penceraian dan pembahagian harta pusaka setelah bercerai. Ada cara-cara yang digunakan dalam soal pembahagian harta. Contohnya dalam teromba berikut:

Ada pertemuan dinikahi

Habis pertemuan dicerai

Carian bahagi

Dapatan tinggal

Pembawa kembali

(Samah Lenja, Gunung Pasir, Negeri Sembilan, 6 Mei 1997)

Adat nan teradat ini disebut juga lembaga. Undang-undang yang dihasilkan oleh Lembaga perlu dituruti. Kalau lembaga itu bundar maka akan bundarlah juga undang-undangnya. Kata-kata berikut boleh dijadikan sebagai renungan:

Rasa minyak ke minyak

Buaya besar di lautan

Gerundang besar di kubangan

Yang dibungkus berbau daun

Yang diikat berbau tali

(Saludin Md. Amin, Kmampung Dioh, Negeri Sembilan, 20 Mac 2001)



Adat nan teradat yang dipakai dalam luak dinamai *cupak sepanjang betung*,

adat nan sepanjang jalan (Mohd Rosli Saludin, 2009:230). Kata-kata berikut yang boleh dijadikan sebagai renungan dan panduan dalam sistem Adat Perpatih:

*Di mana batang tergulung
Di sana cendawan tumbuh
Di mana tanah dipijak
Di sana langit dijunjung
Di mana negeri ditunggu
Di sana adat dipakai*

(Baharin Jalil, kampung Dioh, Negeri Sembilan, 20 Mac 2001)

Adat yang seterusnya ialah Adat istiadat. Menurut Mohd Rosli Saludin



(2009:230):



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

....*Adat istiadat pula ialah kebiasaan yang berlaku di tengah masyarakat umum atau setempat, seperti acara yang bersifat keramaian atau tingkah laku pergaulan yang apabila dilakukan akan dianggap baik dan apabila tidak dilakukan tiada apa-apa. Adat istiadat adalah adat dalam pengertian upacara sahaja, iaitu tatatertib yang berlaku pada zaman raja-raja seperti upacara penobatan, penerimaan dan pemakaman raja-raja. Di samping itu, termasuk juga dalam soal perlantikan penghulu, meminang, pertunangan, perkahwinan, pembahagian harta, malah segala kenduri-kendara, upacara dan muafakat adat....*

Ungkapan kata-kata adat istiadat ini sangat berguna dan bertindak sebagai pemanis majlis yang penuh pengajaran dan didikan serta dinikmati kerana halus sindiran dan mudah bahasanya. Adat jenis ini boleh kita lihat dalam upacara perkahwinan, di mana ia akan dimulai dengan upacara merisik (Nordin Selat, 1978: 221-222). Contohnya adalah seperti kata-kata dibawah:



*Adalah saya bak kata orang
 Kok ibarat umur baru setahun jagung
 Darah baru setampuk pinang 'ibarat belukar muda
 Berjalan belum pasar
 Pemandangan belum luas
 Pengalaman belum ada
 Kehadiran saya ini bak kata adat
 Kok turun dari istana menjunjung titah
 Kok turun dari balai menjunjung sabda
 Turun dari rumah nan berketak tangga
 Kampung nan bersudut
 Datang ke sini untuk merisik anak*

(Mansor Shahman dalam Mohd Rosli Saludin 2009:231)

1.8 Kaedah Kajian

Bagi melaksanakan dan memastikan kajian ini berjaya, beberapa kaedah telah digunakan oleh pengkaji. Kajian ini menggunakan kajian perpustakaan. Melalui penyelidikan di perpustakaan, pengkaji dapat memahami dan mengetahui beberapa konsep yang penting berkaitan dengan kajian. Daripada rujukan yang dibuat, pengkaji mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang pengenalan awal dan secara keseluruhannya tentang konsep Adat Peraptih dan Falsafah Pendidikan Negara itu sendiri. Proses.

Kaedah kajian perpustakaan ini dijalankan di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Perpustakaan Tuanku Sri Bainun dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Proses untuk mendapatkan sumber atau data adalah melalui proses mencari, mengumpulkan,

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah
dan menganalisis sumber-sumber. Maklumat dan data yang berkaitan dengan
kajian ini akan dicari menggunakan kaedah sistem perpustakaan mengikut kategori
seperti pengarang, judu, subjek, jurnal dan sebagainya. Bahan-bahan yang dirujuk
itu meliputi buku-buku akademik, jurnal, tesis, kertas kerja, majalah dan
sebagainya.